

05 FEB 2001

Mahathir-Lawat

DR MAHATHIR LAWAT SABAH DUA HARI MULAI AHAD

KOTA KINABALU, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke Sabah mulai Ahad ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata Dr Mahathir dijangka tiba di sini pada petang Ahad dan sejurus selepas itu, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Umno negeri termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, turut dijadual mengadakan perjumpaan dengan beberapa cawangan parti itu di pantai barat Sabah, kata Osu pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno negeri, di sini, hari ini.

Beliau berkata pada Isnin, Dr Mahathir dijadualkan merasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Pendidikan Asean di sini sebelum pulang ke ibu negara.

Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke Sabah tahun ini.

Beliau bagaimanapun singgah kira-kira sejam di sini pada 21 Jan lepas semasa dalam perjalanan pulang ke ibu negara selepas mengadakan lawatan empat hari ke Osaka, Jepun.

Mengenai mesyuarat hari ini, Osu berkata ia antara lain membincangkan persediaan mesyuarat cawangan selama sebulan bermula 1 Mac dan mesyuarat bahagian juga selama sebulan mulai 1 April depan.

Beliau juga menasihati anggota-anggota parti itu supaya mengelakkan pertandingan bagi menjamin perpaduan dalam parti.

"Ini merupakan nasihat sahaja dan kalau ada pertandingan pun, ia mestilah dilangsungkan dalam semangat kekeluargaan...yang kalah harus akur kepada keputusan, yang menang harus memberi peluang kepada yang kalah untuk menyumbangkan khidmat," katanya.

-- BERNAMA

NT NAK